

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

FCP 453 Farmasi Masyarakat

Masa: (2 jam)

---

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

1. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

(A) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai penggunaan spermasid adalah tidak benar?

- .... (a) Sediaan supositori vagina hendaklah diadministrasi dalam tempoh 10 - 15 minit sebelum perhubungan jenis.
- .... (b) Pancutan vagina atau 'douche' hendaklah dielakkan untuk tempoh 6 - 8 jam setelah melakukan perhubungan jenis.
- .... (c) Sekiranya tiada perhubungan jenis selepas satu jam, administrasi spermasid perlu diulangi jika perhubungan jenis dikehendaki.
- .... (d) Pengguna yang alah terhadap getah kondom seringkali mengalami iritasi setempat dengan sediaan spermasid.

....3/-

(B) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai kondom adalah tidak benar?

- .... (a) Keberkesanan kondom akan berkurangan sekiranya salah seorang pasangannya berpenyakit gonorea.
- .... (b) Saiz kondom tidak perlu ditukar jika berat pengguna bertambah 5 kilogram.
- .... (c) Keberkesanan kondom bertambah sekiranya digunakan bersama dengan sediaan spermasid.
- .... (d) Penggunaan kondom yang berpelincir boleh membantu mengurangkan iritasi di vagina.

(C) Sediaan piperazin tidak berkesan untuk merawat jangkitan cacing-cacing berikut kecuali.....

- .... (a) jangkitan cacing kait ('hookworm')
- .... (b) Strongiloidiasis
- .... (c) Enterobiasis
- .... (d) Trikuriasis

...4/-

(D) Langkah-langkah berikut boleh membantu mengurangkan jangkitan cacing kecuali.....

- .... (a) elakkan menggigit jari atau kuku.
- .... (b) selalu berkasut dan berpakaian bersih.
- .... (c) pastikan sayuran yang dimakan secara mentah dibasuh dengan betul.
- .... (d) rambut hendaklah dipotong pendek dan kemas.

(E) Yang mana di antara jangkitan cacing berikut terdapat akibat memakan daging yang tidak cukup masak?

- .... (a) Askariasis
- .... (b) Enterobiasis.
- .... (c) Cacing kait ('hookworm')
- .... (d) Trikinosis.

(F) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai sediaan Lindan adalah tidak benar?

- .... (a) Berkesan untuk rawatan Pedikulosis.
- .... (b) Tidak dicadangkan untuk rawatan kudis buta.

...5/-

.... (c) Sediaan losen yang disapu pada badan boleh  
lah dibiarkan sehingga 12 jam.

.... (d) Lindan boleh menyerap melalui kulit.

(G) Yang mana di antara sediaan-sediaan pedikulosid dan  
skabisid berikut yang mempunyai kepekatan yang tinggi  
(14% - 50%)?

.... (a) Krotamiton

.... (b) Malation

.... (c) Lindan

.... (d) Benzil benzoat

(H) Yang mana di antara agen-agen berikut dikelaskan  
sebagai agen dekongestan?

.... (a) Triprolidin

.... (b) Fenilpropanolamin

.... (c) Prometazin

.... (d) Difenhidramin

(I) Yang mana di antara antihistamin berikut mempunyai  
kesan lali atau mengantuk yang tinggi?

...6/-

- .... (a) Difenhidramin
- .... (b) Triprolidin
- .... (c) Astemizol
- .... (d) Klorfeniramin.

(J) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai vitamin C di dalam rawatan selsema biasa adalah benar?

- .... (a) Dos yang dicadangkan adalah dalam anggaran 15g/hari.
- .... (b) Hanya dos yang melebihi 30g/hari sahaja boleh menyebabkan urin menjadi asik.
- .... (c) Vitamin C berkesan melegakan kesakitan badan dan malais.
- .... (d) Vitamin C juga berkebolehan mengurangkan sekresi mukus melalui aktiviti antikolinergiknya.

(K) Yang mana di antara pernyataan berikut adalah benar?

- .... (a) Sakit otot, gusi membengkak, dan perdarahan di bawah kulit merupakan tanda-tanda defisiensi vitamin C.

...7/-

- .... (b) Seorang pemabuk selalunya mengalami kekurangan vitamin B, C, E dan K.
- .... (c) Seorang 'Vegan' selalunya mengalami kekurangan vitamin B<sub>12</sub> (sianokobalamin).
- .... (d) Pengguna pil perancang harus mengambil tambahan vitamin C.

(L) Yang mana di antara zat galian berikut berisiko tinggi untuk mengalami defisiensi?

- .... (a) Zat besi
- .... (b) Kupram
- .... (c) Zink
- .... (d) Kalsium

(M) Yang mana di antara pernyataan berikut adalah benar?

- .... (a) Sediaan batuk dan ekspektoran adalah sesuai untuk kanak-kanak berumur 2 tahun yang sering mengalami batuk pada waktu malam.
- .... (b) Sediaan antihistamin topikal adalah sesuai untuk meredakan iritasi dan gatal-gatal di bahagian perianal.

...8/-

- .... (c) Sediaan dekongestan yang mengandung pseudo-efedrin adalah sesuai untuk meredakan hidung tersumbat pada pesakit diabetes.
- .... (d) Sediaan julap (jenis peransang) adalah sesuai untuk melegakan sembelit pada pesakit berumur 76 tahun.

(N) Yang mana di antara bahan-bahan berikut yang terdapat di dalam sediaan optalmik boleh meningkatkan masa sentuh drug aktif di dalam mata?

- .... (a) Natrium borat
- .... (b) Natrium klorida
- .... (c) Hidroksimetilselulos
- .... (d) Benzalkonium klorida

(O) Yang mana di antara gabungan drug OTC - preskripsi berikut menunjukkan interaksi yang signifikan?

- .... (a) gliklazid - difenhidramin
- .... (b) kalsiferol - vitamin C
- .... (c) fenitoin - asid folik
- .... (d) metildopa - dektrometorfan

...9/-



- (P) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai otitis eksterna adalah tidak benar?
- .... (a) Masalah psoriasis dan dermatitis seborheik boleh juga menyebabkan otitis eksterna.
  - .... (b) Otitis eksterna akut boleh berlaku akibat daripada kemasukan benda asing ke dalam telinga, trauma mekanikal dan terdedah kepada air tercemar.
  - .... (c) Pesakit biasanya tidak mengalami kesakitan apabila menarik cuping telinga ke atas.
  - .... (d) Larutan aluminium asetat adalah sesuai untuk mencuci telinga kerana ia mempunyai sifat astringen dan anti-infektif.
- (Q) Amalan farmasi komuniti harus melibatkan semua perkara berikut kecuali.....
- .... (a) melakukan penilaian simptom atau aduan pelanggan sebelum menjual sesuatu sediaan.
  - .... (b) mengguna alat-alat diagnostik untuk menilai sesuatu aduan pesakit dan memonitor perkembangan penyakit.

...10/-

- .... (c) berkomunikasi dengan ahli profesional perubatan lain.
- .... (d) menganjurkan kempen kesihatan bersama-sama dengan badan amal lain.

(R) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai farmasi komuniti adalah benar?

- .... (a) Semua penjualan sediaan antasid harus direkod dan disimpan untuk tempoh 2 tahun.
- .... (b) Semua rekod pengaliran kewangan hendaklah diaudit setahun sekali dan didaftarkan dengan pendaftar syarikat untuk farmasi yang berbentuk sendirian berhad dan hak milik persendirian.
- .... (c) Farmasi syarikat Berhad (Limited Company) selalunya berbentuk suatu rangkaian dan organisasinya adalah hampir sama dengan farmasi sendirian berhad.
- .... (d) Penjualan antibiotik dan agen psikotropik mestilah direkod dan juga ditandatangani oleh pembeli.

...11/-

(S) Kejayaan sesuatu farmasi komuniti itu boleh tercapai dengan mempunyai ciri-ciri berikut, kecuali.....

- .... (a) mengadakan sistem profil pesakit.
- .... (b) berkeupayaan mengurus dan berpengetahuan klinikal.
- .... (c) menyediakan julat sediaan yang besar.
- .... (d) kemahiran berkomunikasi dan mempunyai etika profesional yang baik.

(T) Yang mana di antara pernyataan berikut adalah benar?

- .... (a) Kos tetap yang terlibat untuk operasi suatu farmasi termasuklah kos pembelian bahan-bahan mentah, peralatan dan sediaan-sediaan ubat.
- .... (b) Semua bentuk pengiklanan mengenai sesuatu farmasi adalah dilarang.
- .... (c) Di antara halangan komunikasi di farmasi komuniti termasuklah halangan fizikal mengenai cara pengaturan alat dan barangan.
- .... (d) Kawalan inventori di farmasi komuniti hanya terlibat ke atas kawalan inventori sediaan-sediaan sahaja.

...12/-

(U) Yang mana di antara aduan pesakit/pelanggan berikut tidak perlu dirujuk kepada doktor?

- .... (a) Sakit dan bengkak telinga.
- .... (b) Selsema, batuk dan sakit tekak.
- .... (c) Demam dan kejang otot-otot tengkok.
- .... (d) Gatal-gatal kulit, ruam, sakit tekak dan demam.

(V) Yang mana di antara kes pesakit berikut adalah sesuai untuk swa-pengobatan?

- .... (a) Pesakit hipertiroid yang mengadu ruam kulit dan sakit tekak.
- .... (b) Pesakit asma yang mengadu selsema dan batuk-batuk sejak 2 hari yang lalu.
- .... (c) Pesakit berumur 75 tahun yang mengadu insomnia.
- .... (d) Pesakit akne yang mempunyai taburan lesion di muka dan belakang.

...13/-

(W) Yang mana di antara gabungan berikut adalah benar?

- .... (a) Asid borik - sesuai untuk kanak-kanak berumur 8 tahun.
- .... (b) Karbamid peroksid - mempunyai ciri seruminolitik.
- .... (c) Natrium bikarbonat - boleh mengubah tonisiti mata.
- .... (d) Gliserin - suatu agen yang boleh mengurangkan tekanan permukaan mata.

(X) Yang mana di antara interaksi drug OTC-OTC berikut yang mempunyai kesan tambahan?

- .... (a) Minyak galian - vitamin D
- .... (b) Tretinoin - krim urea
- .... (c) Aspirin - antasid
- .... (d) Zat besi - Magnesium trisilikat.

(Y) Yang mana di antara pernyataan berikut mengenai sediaan topikal adalah benar?

- .... (a) Krim tolnaftat adalah berkesan untuk semua jangkitan tinea.

...14/-

- ..... (b) Salap asid benzoik dan undesilenik adalah sesuai untuk jangkitan Candida.
- ..... (c) Krim hidrokortison 1% adalah sesuai untuk meredakan pruritus.
- ..... (d) Krim neomisin adalah tidak sesuai untuk meredakan stasis ekzema di buku lali.

(25 markah)

...15/-

2. (A) Anda telah ditawarkan bekerja di sebuah rangkaian farmasi sebagai pengurus. Apakah yang harus anda lakukan untuk mengemaskini sistem pentadbiran dan pengurusannya?

(10 markah)

- (B) Anda mempunyai modal sebanyak \$100,000 ringgit dan bercita-cita untuk membuka sebuah farmasi. Apakah faktor yang harus dipertimbangkan untuk mengendalikan wang pusingan anda itu?

(15 markah)

3. (A) Encik AB, 40 tahun, seorang pemandu teksi datang ke farmasi anda untuk membeli suatu sediaan yang boleh melegakan ketegangan otot di bahagian atas bahu kanan-nya. Beliau kelihatan sihat dan menafikan mengalami sebarang penyakit kronik.

...16/-

- (i) Apakah maklumat lanjut yang harus anda perolehi sebelum mencadang dan memilih suatu sediaan analgesik topikal untuk Encik AB?

( 5 markah)

- (B) Di antara sediaan analgesik topikal yang terdapat di farmasi anda adalah Ben-Gay Original<sup>R</sup>. Sediaan ini mengandungi bahan-bahan aktif berikut:

Metil salisilat	18.3%
Mentol	16.0%
'Base' Oleaginus	

- (i) Bincangkan kesesuaian bahan-bahan aktif tersebut, kepekatannya dan penggunaan base oleaginus.

( 7 markah)

- (ii) Bincangkan mengenai penyerapan topikal bahan-bahan aktif tersebut dan kemungkinan kesan buruk akibat daripada penggunaan sediaan itu.

( 6 markah)

...17/-



- (C) Apakah maklumat kaunseling yang perlu untuk Encik AB semasa menggunakan sediaan tersebut?

( 7 markah)

4. (A) Encik TA, 36 tahun mengadu matanya pedih, gatal-gatal dan berair. Anda juga mendapati matanya kelihatan agak kemerahan. Beliau menafikan mengalami sebarang penyakit kronik dan tidak mengambil ubat kecuali tablet parasetamol sekali-sekala apabila mengalami sakit kepala.

- (i) Berasaskan kepada aduan TA, masalah yang dialami berkemungkinan akibat daripada kemasukan benda asing, konjuntivitis mudah, atau alahan. Apakah maklumat lanjut yang anda perlukan untuk membuat penilaian mengenai masalah TA?

(10 markah)

...18/-

- (ii) Encik TA berkehendakan suatu sediaan ubat titis mata yang mengandungi campuran anti-infektif dan steroid. Mengikut TA, sediaan seumpama itu telah diguna oleh rakannya dan didapati berkesan. Apakah tindakan dan cadangan anda?

(5 markah)

- (iii) Apakah maklumat kaunseling yang sesuai untuk TA?

( 5 markah)

- (B) Huraikan dengan ringkas gangguan mata yang tidak sesuai untuk swa-pengubatan.

( 5 markah)

5. (A) Puan DT, 80 tahun mengadu kulitnya gatal-gatal dan terlalu kering. Beliau menyatakan yang dia senantiasa menjaga kebersihan diri dan selalu mengguna sabun ketika mandi.

- (i) Apakah maklumat lanjut yang anda ingin tahu untuk menilai aduan puan DT?

( 4 markah)

...19/-

(ii) Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah Puan DT?

( 2 markah)

(B) Tulis nota ringkas untuk topik-topik berikut:

(i) Faktor-faktor yang menghalang komunikasi yang berkesan di farmasi komuniti.

( 4 markah)

(ii) Indikasi untuk sediaan multivitamin dan multigalian.

( 2 markah)

(C) Bincangkan dua alat-alat kontraseptif berikut:

(i) Mekanisme IUD (alat Intra-uterin) untuk mencegah kehamilan dan masalah-masalah utama yang mungkin dialami oleh pengguna.

( 7 markah)

...20/-

(ii) Maklumat kaunseling yang perlu diberikan kepada individu yang menggunakan diafram.

( 6 markah)

-ooOoo-